

Dr. M dedah golongan berbahaya

Mereka engkar suara ramai

ALOR SETAR, Jumaat

TIMBALAN Perdana Menteri Dato Seri Dr. Mahathir Mohamad mengingatkan ahli-ahli UMNO bahawa golongan kecil yang tidak mahu mematuhi keputusan suara yang terbanyak adalah berbahaya kepada parti.

Ini katanya, kerana mereka tidak mengamalkan sistem demokrasi yang dianuti oleh UMNO.

Beliau berkata demikian ketika berucap merasmikan mesyuarat Perwakilan UMNO Bahagian Alor Setar di Kompleks Berbagaimana di sini petang ini.

Menurutnya golongan itu juga selalu menimbulkan huru-hara dalam parti untuk mencapai cita-cita mereka.

"Kita tidak mahu golongan kecil ini berada dalam UMNO kerana mereka adalah bahaya kepada parti," tegas Dato Seri Dr. Mahathir.

Beliau lalu memberikan contoh seperti mana yang telah berlaku di dunia hari ini di mana golongan kecil telah menggunakan kekuasaan dan kekejaman sehingga sanggup melakukan pembunuhan untuk mencapai cita-cita mereka.

Peristiwa Aldo Moro

Perkara ini tambahnya, boleh berlaku di dalam UMNO, jika sekiranya golongan kecil tidak mahu mematuhi keputusan suara ramai.

Beliau yakin ahli-ahli UMNO tetap patuh kepada keputusan suara ramai kerana mereka mengamalkan konsep demokrasi.

Selanjutnya Dato Seri Dr. Mahathir menegaskan konsep demokrasi yang dianuti oleh UMNO akan terus diamalkan demi menjamin ketuhanan dan perpaduan, keselamatan dan kesejahteraan negara.

Dato Seri Dr. Mahathir berkata pembunuhan bekas Perdana Menteri Itali, Enck Aldo Moro baru-baru ini adalah perbuatan golongan kecil yang tidak mahu menerima suara terbanyak dan menggunakan kekerasan untuk mencapai tujuan mereka.

Beliau lalu menyeru semua ahli UMNO mematuhi disiplin parti dan mengikut segala arahan dari lubejabat parti.

Beliau juga menyeru mereka mematuhi peraturan-peraturan dan perlembagaan parti.

Jika semua ahli berbuat demikian, katanya, UMNO akan tetap menjadi kuat, atapun menghadapi keadaan sebarang.

Timbalan Perdana Menteri kemudian menyeru semua ahli UMNO menyokong penuh calon-calon Barisan Nasional dalam pilihanraya umum akan datang tanpa mengira dari parti komponen mana calon itu.

Beliau juga berikrar akan membantu dengan sebarang upaya UMNO Bahagian Alor Setar sekiranya dirinya tidak menjadi pemimpin bahagian itu lagi.



●TIMBALAN Perdana Menteri, Dato Seri Dr. Mahathir Mohamad dan Menteri Kewangan, Tengku Razaleigh Hamzah, kedua-duanya Naib Pengerusi UMNO Malaysia, telah diberi sambutan cara tradisional selagi di Stadium Dato Syed Omar di Alor Setar untuk menghadiri sambutan ulangtahun ke-32 UMNO keimam. — Gambar Berita Harian.